



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**EKSPRESI SENI MELALUI PENGALAMAN DI
KEM SENI REMAJA SONNERATIA:
SATU KAJIAN KES**

ISSAREZAL BIN ISMAIL

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SENI)**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2005



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



1.5.2005

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



ISSAREZAL BIN ISMAIL
200301176

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Illahi dengan limpah kurniaNya dan keizinanNya, dapatlah saya menyempurnakan disertasi ini sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan (Seni). Ucapan terima kasih saya kepada penyelia kajian ini iaitu En. Abu Bakar Sabran kerana dengan tidak jemu memberi saya bantuan, bimbingan, nasihat dan teguran berbentuk positif. Ucapan terima kasih kepada responden, pihak Balai Seni Lukis Negara, Kolej Ikip di Kuantan serta rakan-rakan seangkatan yang banyak membantu dalam melancarkan tugas saya menyiapkan disertasi ini. Akhir sekali, tidak lupa kepada isteri saya Adawiyah Abu Abid serta pangeran cinta saya, Ahmad Dhani Issarezal yang menjadi sumber inspirasi siang dan malam selama mana saya menyiapkan disertasi ini.



ABSTRAK

Kajian kualitatif ini bertujuan untuk memberi gambaran jelas tentang ekspresi seni melalui pengalaman di kalangan para peserta Kem Seni Remaja Sonneratia yang berlangsung di Taman Alam, Kuala Selangor pada tahun 2002. Kajian ini mengkaji bagaimana pengalaman peribadi di Taman Alam dijadikan sumber idea utama para peserta di dalam kem dan bagaimana sumber idea yang diperolehi itu diekspresikan di dalam karya seni mereka. Selain itu, kajian ini juga mengkaji nilai-nilai yang wujud di Kem Seni Remaja Sonneratia. Untuk mendapat maklumat yang lebih tepat, penyelidik menggunakan pendekatan triangulasi di mana penggabungan maklumat primer daripada temubual, dokumen dan juga naratif dengan maklumat sekunder seperti buku dan artikel dari jurnal digabungkan untuk memberi gambaran yang lebih jelas tentang kajian yang dijalankan. Responden kajian ini datang dari peserta-peserta kem yang berasal dari Pahang atau belajar / bekerja di IPTA / IPTS di Pahang. Mereka ini melalui proses ditemubual dan juga diberikan soalan naratif. Daripada data-data yang diperolehi itu tadi, ia akan diperbandingkan dengan koleksi data dokumen dan data visual untuk dikesahkan data yang diperolehi. Daripada data-data maklumat yang diperolehi, penyelidik membuat perbincangan dan rumusan tentang ekspresi seni melalui pengalaman. Daripada rumusan tersebut, penyelidik membentangkan implikasi kajian terhadap pembangunan pendidikan seni visual di Malaysia.



ABSTRACT

This qualitative research is meant to demonstrate expression of arts through experience among the participants of Kem Seni Remaja Sonneratia 2002 which was

experience at Taman Alam is used as the main source of idea and also how did the participants acquire that idea and how did they express it in their artwork. Apart from that, this research also analyses the elements that exist in the camp. To obtain more accurate information, the researcher use triangulation method in which primary

information from interviews, document and also narration is combined with secondary information acquired from books and journal articles as to give a clearer explanation

of the research. The respondents are some participants from Pahang and those who study or work in IPTA / IPTS in Pahang. They have been interviewed and also given narrative questions. From data obtained, a comparison is made between the collection of documented data and visual data as to support the data collected. This data is then used to make discussion and conclusion about the expression of arts through experience. From the conclusion made, the researcher on the development of visual art education in Malaysia.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN / SIMBOL / TATANAMA / ISTILAH	xii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Latarbelakang kajian.	2
1.2	Pernyataan isu dan persoalan kajian.	5
1.3	Limitasi kajian.	6
1.4	Tujuan dan kepentingan kajian	7

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Tinjauan literatur	9
-----	--------------------	---

BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan metodologi penyelidikan	14
-----	------------------------------------	----

3.2	Prosedur dan teknik pengumpulan data	15
3.3	Respondan kajian	17
3.4	Instrumen kajian	17
3.5	Analisa data	19
3.6	Kerangka teoritik	21
3.6.1	Karya seni	22
3.6.2	Pengkarya seni	24
3.6.3	Pengalaman seni	25
3.6.4	Nilai seni	28

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Soalan kajian 1	30
4.2	Soalan kajian 2	41
4.3	Soalan kajian 3	50
4.3.1	Nilai alam kepada manusia	54
4.3.2	Nilai aktiviti kepada manusia	61
4.3.3	Nilai alam kepada karya seni	73

BAB 5 RUMUSAN DAN IMPLIKASI TEMUAN

5.1	Ringkasan	83
5.2	Implikasi temuan	85

RUJUKAN

LAMPIRAN 1	89
LAMPIRAN 2	95
LAMPIRAN 3	104
LAMPIRAN 4	111
LAMPIRAN 5	113

SENARAI JADUAL

Jadual		muka surat
3.1	Kaedah pengumpulan data	15
3.2	Kaedah pengkodan data	19
3.3	Jadual pengumpulan data	20
4.1	TB/P2/1 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 2)	31,42
4.2	TB/P2/2 Jadual petikan temuabual (rujuk lampiran 2)	31
4.3	TB/P1/1 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 1)	32
4.4	DN/P1/1 Jadual petikan naratif (rujuk lampiran 4)	34
4.5	TM/P2/3 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 2)	35
4.6	TB/P3/1 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 3)	37
4.7	TB/P3/2 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 3)	38
4.8	TB/P2/4 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 2)	42,75
4.9	DN/P3/1 Jadual petikan naratif (rujuk lampiran 5)	44
4.10	TB/P3/3 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 3)	45
4.11	TB/P1/2 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 1)	46
4.12	TB/P1/4 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 1)	47
4.13	TB/P3/4 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 3)	48
4.14	TB/P3/5 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 3)	49
4.15	DN/P1/2 Jadual petikan naratif (rujuk lampiran 4)	52
4.16	DN/P3/2 Jadual petikan naratif (rujuk lampiran 5)	53
4.17	TB/P2/5 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 2)	53

4.18	TB/P3/6 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 3)	55
4.19	TB/P3/7 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 3)	57
4.20	TB/P1/5 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 1)	57
4.21	TB/P3/8 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 3)	57
4.22	DN/P3/3 Jadual petikan naratif (rujuk lampiran 5)	58
4.23	TB/P1/6 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 1)	59
4.24	TB/P3/8 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 3)	59
4.25	TB/P1/6 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 1)	59
4.26	DN/P3/4 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 5)	59
4.27	TB/P2/6 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 2)	61
4.28	TB/P1/7 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 1)	64
4.29	TB/P1/8 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 1)	67
4.30	TB/P1/9 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 1)	67
4.31	TB/P3/9 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 3)	69
4.32	TB/P2/7 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 2)	71
4.33	TB/P2/8 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 2)	74
4.34	DN/P1/3 Jadual petikan temubual (rujuk lampiran 4)	75

SENARAI RAJAH

Rajah		muka surat
3.1	Kerangka konsep kajian	22
4.1	DV/P2/1 Gambar foto	31, 75
4.2	DV/P1/1 Gambar foto	33
4.3	DV/P1/2 Gambar foto	35
4.4	DV/P1/3 Gambar foto	36
4.5	DV/P3/1 Gambar foto	38
4.6	DV/P3/2 Gambar foto	40
4.7	DV/P2/2 gambar foto	43
4.8	DV/P3/3 Gambar foto	44
4.9	DV/P3/4 Gambar foto	46
4.10	DV/P3/5 Gambar foto	48
4.11	DV/P3/6 Gambar foto	49
4.12	DV/P1/4 Gambar foto	52
4.13	DV/P2/3 Gambar foto	54
4.14	Nilai alam kepada manusia	54
4.15	DV/P3/7 Gambar foto	55
4.16	DV/P3/8 Gambar foto	58
4.17	DV/P3/9 Gambar foto	58
4.18	DV/P1/5 Gambar foto	59
4.19	Nilai aktiviti kepada manusia	60



4.20	DV/P1/6	Gambar foto	62
4.21	DV/P1/7	Gambar foto	63
4.22	DV/P1/8	Gambar foto	63
4.23	DV/P1/9	Gambar foto	65
4.24	DV/P1/10	Gambar foto	66
4.25	DV/P3/9	Gambar foto	68
4.26	DV/P2/4	Gambar foto	68
4.27	Nilai alam kepada karya seni		72
4.28	DV/P2/5	Gambar foto	77,80
4.29	DV/P3/10	Gambar foto	78,81
4.30	DV/P1/11	Gambar foto	78,79



SENARAI SINGKATAN / SIMBOL / TATANAMA / ISTILAH

Assemblage /

Combined Painting - Teknik catan yang menggabungkan unsur-unsur persembahan tiga dimensi dan dua dimensi. Gaya persembahan ini selalunya dikaitkan dengan Robert Rausenberg dan Kienholz.

Bentuk seni - Merujuk kepada apa-apa objek seni yang dihasilkan seperti catan, arca, seni persembahan dan sebagainya. Ia merupakan satu penyusunan semua elemen mengikut prinsip seni yang mana akhirnya akan memperlihatkan kesatuan.

Ekonomi - Proses penyelesaian kompleksiti yang digunakan oleh artis terhadap bahan dan intipati imej untuk kejelasan persembahan.

Ekstrinsik - Niat, gagasan idea, gubahan fikiran dan perasaan pengkarya seni.

Elemen seni - Garisan, rupa, nilai, jalinan dan warna - asas kandungan yang digunakan oleh artis secara berasingan untuk menghasilkan imej-imej artistik yang akan menterjemahkan bahasa visual.

Estetik - Teori-teori artistik yang merujuk kepada keindahan. Ia juga merujuk kepada sensitiviti kepada bentuk seni dan juga hubungan antara satu kesenian dengan kesenian yang lainnya dari segi kebudayaan, moral, falsafah dan sebagainya.

Idea - Gagasan fikiran manusia yang ingin berusaha untuk memperbaiki sesuatu perkara atau keadaan.

Imaginasi - Rekaan khayalan akal manusia yang berlaku di dalam fikiran.

Imitasi - Proses peniruan semula bentuk-bentuk alam semulajadi dalam bentuk catan atau lukisan.

Instrinsik - Pengalaman seni yang dibentuk oleh medium atau material yang digunakan dalam berkarya.

Invert - Proses seni (grafik komputer) yang merujuk kepada hasil imej tunggang terbalik.



Keindahan -	Satu kualiti yang memberikan sesuatu kepada kehendak pancaindera dan kehendak batiniah.
Konsep -	Penggabungan komprehensif idea.
Medium -	Material yang digunakan oleh artis untuk menghasilkan elemen visual yang dilihat oleh pemerhati seni.
Motivasi ekstrinsik -	Matlamat luaran yang perlu ditambah dengan ganjaran.
Motivasi instrinsik -	Satu aktiviti yang ada di dalamnya aspek penglibatan, menyeronokkan, kepuasan dan cabaran.
Nilai -	Kualiti yang ada pada sesuatu karya seni yang mana di dalamnya terangkum kualiti penampilan (bentuk) dan nilai isi (pengetahuan, rasa, intuisi dan sebagainya).
Pengalaman -	Proses alami manusia terhadap sesuatu keadaan atau perkara.
Prinsip seni -	Garis panduan yang digunakan oleh artis dalam cuba menyusun elemen seninya.
Pasca Modernisme -	Gaya seni yang wujud pada 1970 an yang didominasi oleh kesenian yang bertunjangkan gaya Minimalisme dan Konseptualisme.
Seni Konseptual -	Perkara yang paling penting dalam seni konseptual adalah idea. Selalunya meniadakan penggunaan material dan bentuk yang biasa.
Realisme -	Gaya kesenian yang mengekalkan asas observasi asal yang tidak melakukan perubahan kepada bentuk objek yang akan dilukis.
Tema -	Maksud ekspresif, kepentingan atau nilai estetik sesebuah karya seni.





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Latarbelakang kajian.

Manusia mempunyai keinginan untuk mengekspresikan keindahan visualnya. Penghasilan karya menerusi observasi yang melibatkan bentuk-bentuk kesenian telah lama berlaku kerana tiada satu pun kebudayaan yang wujud tanpa disokong dengan bukti-bukti ekspresi kesenian manusia tidak kira lukisan, arca atau sebagainya. Menurut Tjep Tjep (2000), betapa sederhana manapun kehidupan manusia, walaupun disekat dengan keterbatasan utamanya, namun manusia tetap mencari jalan untuk melunaskan keinginan berekspresi dan berkeaktiviti untuk memenuhi hasratnya dalam mengungkapkan maksud keindahan .

Jika ditinjau dari aspek pensejarahannya pula, manusia pra sejarah telah mula mengekspresikan keinginan kesenian mereka sejak 10 000 tahun yang lampau. Mereka secara jelas telah merakam imej-imej yang diambil terus dari pengalaman





untuk diungkapkan dalam bentuk visual atas dasar komunikasi. Sejak itu kesedaran visual manusia bertambah dan dengan cara itu, manusia mula belajar dan memahami kesenian menerusi integrasi sosial dan kognisi. Menurut Muliyadi Mahamood (1995), dengan berekspresi, manusia dapat memproses pengetahuan dan konsep-konsep yang akhirnya dapat menghubungkan idea serta menunjukkan kreativiti dalam mencari jalan menyampaikan sesuatu maklumat, bukan secara verbal tetapi melalui visual. Menerusinya, karya seni visual akan mencerminkan pemikiran, keupayaan, kepekaan, falsafah dan daya kreativiti pengkarya dan ianya akan mengambilkira faktor-faktor sampingan seperti latarbelakang budaya dan sosio budaya

Menurut Karl Michel (2004), manusia dari zaman pra sejarah telah memenuhi keinginan berekspresi dan mereka berkongsi daya intuisi dan pendekatan visual untuk menzahirkan pemikiran dan perasaan. Proses ini membuatkan mereka mencari satu bentuk alternatif yang mampu menampung keinginan mereka meluahkan idea dengan dipengaruhi oleh kehidupan dan pengalaman mereka. Di dalam pendekatan seni visual (pendidikan), sesuatu idea dapat diterjemahkan menerusi pelbagai sumber. Salah satu sumber penting dalam berkarya adalah menerusi pengalaman hidup manusia. Walaupun terdapat pelbagai rangkaian motivasi, latarbelakang pendidikan, ekspresi kreatif dan idea, namun pengalaman manusia adalah katalis penting dalam penghasilan sesebuah karya seni

Pengkarya yang melukis dengan menggunakan sumber pengalamannya secara total akan dapat menghasilkan karya yang mempunyai nilai dan bermutu. Nilai ini akan menentukan aspek-aspek penting yang tidak boleh diukur seperti pemikiran, perasaan dan persepsi. Walaubagaimanapun, penafsiran nilai-nilai tersebut harus dilakukan dengan menitikberatkan beberapa kategori penting yang mana akhirnya diharap mampu memberi jawapan secara objektif dan boleh difahami. Kategori





tersebut haruslah merangkumi aspek elemen seni, prinsipal seni dan label (ikonik atau simbolik).

Menurut Mulyadi Mahamood (2004), alam semulajadi merupakan salah satu sumber inspirasi pelukis yang penting, justeru itu perhubungan antara kedua-duanya sukar untuk dipisahkan. Sejak dari zaman purba lagi, manusia telah menghasilkan karya seni yang berhubungan secara langsung dengan alam, contohnya catan-catan gua yang melukiskan aktiviti pemburuan yang mengandungi imajan-imajan figura, flora dan fauna. dalam konteks seni tradisi pula, pengkarya merujuk alam semulajadi sebagai kiasan dan perlambangan yang berkaitan dengan falsafah serta pandangan hidup masyarakat sebagaimana motif-motif dalam kesenian Melayu yang bertalian dengan peribahasa dan simpulan bahasa yang mencerminkan sikap serta sifat manusia. Pengkarya merujuk kepada alam persekitaran mereka dengan sumber inspirasi yang

padu dan penuh makna.



Menurut Mulyadi Mahamood (2004) lagi, penampilan alam semulajadi sebagai tema karya telah sebatu dengan perkembangan seni lukis kontemporari Malaysia sejak awal kelahirannya pada sekitar tahun 1930an. Kepelbagaian bentuk penampilan imej visual alam tercetus ekoran daripada kepelbagaian pendekatan dan pegangan pelukis dalam berkarya. Hal ini turut dipengaruhi oleh faktor-faktor berkaitan dengan kebudayaan secara umumnya seperti sejarah, kepercayaan, kemasyarakatan dan sistem pendidikan.

Pada bulan September tahun 2003, sekumpulan 25 orang pelajar seni di seluruh negara telah dikumpulkan di dalam satu kawasan hutan di Taman Alam Kuala Selangor untuk mengikuti Kem Seni Remaja Sonneratia. Sebagai satu kawasan botani, *sonneratia* merupakan nama saintifik yang diberikan kepada pokok Berembang yang tumbuh meliar di kawasan hutan paya bakau di Kuala Selangor. Pokok ini dipercayai





menghasilkan enzim seperti *nectar* yang mana menjadi makanan kelip-kelip di waktu malam. Kelebihan memakan *nectar* inilah yang membuatkan ekor kelip-kelip mengeluarkan cahaya. Sepertimana yang diketahui umum, kelip-kelip merupakan spesis haiwan liar yang semakin pupus dan ianya hanya boleh dijumpai di kawasan Amerika Selatan dan di Malaysia sahaja. Ini menguatkan lagi hubungan sembiotik antara kelip-kelip dan pohon Berembang yang mana mekanisma ini membuatkan mereka saling bergantung antara satu sama lain dalam mengharungi dunia yang semakin mencabar. Menurut Tan See Hon (2003), faktor survival inilah yang menjadi teras kepada pelajar-pelajar yang didatangkan khas dari seluruh Malaysia untuk menetap selama 5 hari di persekitaran yang mencabar ini.



1.2 Pernyataan isu dan persoalan kajian.



Bidang seni visual merupakan jendela untuk melihat dan merenung profil masyarakat dan ahli-ahlinya. Melalui ekspresi seni, dapat dibayangkan dan dirasakan bukan sahaja daya kreativiti dan imaginasi tetapi juga proses pemikiran, kognisi, pencapaian teknologi, kepercayaan serta nilai sesebuah masyarakat.

Kesinambungan aktiviti seni sebagai jendela kepada dimensi sosio budaya di Malaysia memerlukan usaha proaktif bagi menggalakkan penglibatan pelajar-pelajar seni. Balai Seni Lukis Negara, sebagai sebuah institusi seni kebangsaan, di lihat amat peka tentang perlunya seni mendapat tempat di dalam pembangunan pendidikan. Adalah penting pembangunan ini dijana bukan hanya dari sudut keperluan kemahiran dan kefasihan teknikal terhadap sesuatu kerjaya, tetapi juga dari sudut kecemerlangan intelek, nilai dan rohani. Pembangunan insan yang total dan holistik dapat mengimbangi cabaran *high tech* dengan kehalusan *high touch*. Imbangan sebegini



memerlukan katalis, perintis, pelopor dan pemimpin generasi muda yang dapat merencana dan mengemudi pembangunan seni mengikut acuan perubahan dan pengalaman yang relevan dengan cabaran alaf baru.

Dalam konteks pendidikan, Balai Seni Lukis Negara melihat kedudukannya sebagai jambatan antara pendidikan di kolej-kolej seni dengan kerjaya sebagai karyawan seni yang professional. Di sinilah wujud Kem Seni Remaja Sonneratia yang telah dijalankan berdasarkan rasional yang telah diberikan.

Menurut Hasnol Jamal Saidon (2003), dalam waktu perubahan pesat, kalangan pelajarlah yang akan mewarisi masa hadapan. Kalangan terpelajar akan mendapati bahawa mereka telah dilengkapi dengan keperluan untuk hidup di dalam dunia yang sudah tidak wujud lagi. Kajian ini adalah eksplorasi terhadap karya seni pelajar yang mengikuti Kem Seni Remaja Sonneratia yang dianjurkan oleh Balai Seni Lukis

Negara. Ia juga diharap mampu menjawab beberapa persoalan kajian iaitu:

- a) Bagaimanakah pengalaman di Taman Alam dijadikan sumber idea utama oleh peserta Kem Seni Remaja Sonneratia?
- b) Bagaimanakah sumber idea yang diasaskan oleh pengalaman itu diekspresikan ke dalam karya seni oleh peserta Kem Seni Remaja Sonneratia?
- c) Apakah nilai-nilai yang wujud dari Kem Seni Remaja Sonneratia?

1.3 Limitasi kajian.

Kajian ini dijalankan terhadap para peserta Kem Seni Remaja Sonneratia yang dijalankan pada tahun 2003 di Taman Alam, Selangor Darul Ehsan. Kumpulan peserta ini datangnye dari pelbagai Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta serata tanah air. Akan tetapi pengkajian ini hanya tertumpu kepada peserta & karya yang



dihasilkan oleh peserta yang datang dari pelajar yang datangnya dari Institut Pengajian Tinggi atau Kolej Swasta di Pahang sahaja. Kajian ini hanya akan menghuraikan pengalaman-pengalaman peserta semasa di dalam Kem Sonneratia dan tidak akan berkisar tentang pengalaman sebelum mengikuti kem atau selepas mengikuti kem.

1.4 Tujuan dan kepentingan kajian.

Kajian ini dijalankan adalah untuk memberi gambaran jelas tentang pertalian antara pengalaman seseorang individu itu dengan cara mereka berekspresi di dalam kesenian. Dari konteks pendidikannya, tiada pun sebelum ini penulisan berbentuk ilmiah yang bercakap mengenai perkara ini (kem seni di Malaysia). Jika tiada kefahaman yang baik tentang kem seni, bagaimana usaha proaktif dapat digerakkan untuk memberi peluang bagi penglibatan golongan remaja khususnya pelajar seni lukis dan seni reka mendapat tempat dalam pembangunan pendidikan, apatah lagi dalam konteks ke arah mencapai Wawasan 2020, dan dalam menangani penekanan pendidikan dalam menghadapi cabaran alaf baru. Justeru itu, penyelidik merasakan sudah tiba masanya penyelidikan pendidikan seni itu bukan hanya berbincang tentang pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas konvensional semata-mata tetapi ia juga harus melihat perkembangan baru di dalam pendidikan era baru yang dianggap pendidikan alternatif.

Kepentingan kajian ini untuk bidang pendidikan seni visual adalah untuk memahami pertalian antara cara manusia berekspresi melalui kesenian dan hubungannya dengan pengalaman manusia berada di sesuatu persekitaran. Di dalam era manipulasi massa yang mana manusia hidup dengan risiko yang bersifat global, ini





merupakan salah satu usaha untuk memperkembangkan potensi pendidikan seni yang lebih objektif dan ilmiah.

Walaupun telah ada kajian yang berkaitan dengan topik yang bakal dikaji, namun difikirkan terdapat beberapa aspek yang belum disentuh oleh pengkaji terdahulu. Setelah diselidiki, pengkaji terdahulu banyak menyentuh tentang hubungan pengalaman yang banyak berkisar tentang aspek negatif dan trauma, ketakutan dan sebagainya dan kebanyakannya dilakukan untuk menyelesaikan tuntutan bidang terapi. Pendekatan tema yang diambil juga walaupun diasaskan oleh kepentingan kajian pendidikan seni, tetapi hanya berkisar kepada pengalaman yang melibatkan unsur-unsur negatif seperti peperangan, penderaan dan lain-lain lagi. Setelah memikirkan kekosongan yang ditinggalkan oleh pengkaji terdahulu, kajian ini diharap dapat menyumbangkan beberapa perspektif baru dalam ilmu pendidikan seni visual.

